

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 (26)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

25 Ogos 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 13 TAHUN 2010 : PENGECUALIAN
PEMBERIAN KENDERAAN RASMI DAN ELAUN GANTIAN KENDERAAN KEPADA
PROFESOR GRED VK5 (KHAS A) DAN PROFESOR GRED VK6 (KHAS B) YANG
TIDAK MEMEGANG JAWATAN PENTADBIRAN DI UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2010 yang bermesyuarat pada 21 Julai 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai pekeliling berkenaan Pengecualian Pemberian Kenderaan Rasmi Dan Elaun Gantian Kenderaan Kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) Dan Profesor Gred VK6 (Khas B) Yang Tidak Memegang Jawatan Pentadbiran Di Universiti Malaysia Pahang, sebagaimana keputusan kerajaan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/1996 dan Bil. 2/1999 serta Mesyuarat Jawatan Kuasa Naib Canselor / Rektor Bil. 2/2003.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 13 Tahun 2010 mengenai Pengecualian Pemberian Kenderaan Rasmi Dan Elaun Gantian Kenderaan Kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) Dan Profesor Gred VK6 (Khas B) Yang Tidak Memegang Jawatan Pentadbiran Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

HA/sms
d: Pekeliling

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 13 TAHUN 2010

**PENGECUALIAN PEMBERIAN KENDERAAN RASMI DAN
ELAUN GANTIAN KENDERAAN KEPADA
PROFESOR GRED VK5 (KHAS A) DAN PROFESOR GRED VK6 (KHAS B)
YANG TIDAK MEMEGANG JAWATAN PENTADBIRAN
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti berkenaan pengecualian pemberian kenderaan rasmi dan elaun gantian kenderaan kepada penyandang jawatan Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) yang tidak memegang jawatan pentadbiran di UMP, sebagaimana keputusan Kerajaan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1996 dan Bil.2/1999 serta Mesyuarat Jawatan Kuasa Naib Canselor/Rektor Bil.2/2003.

LATARBELAKANG

2. Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2/1996 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2/1999, penyandang jawatan Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) adalah layak diperuntukkan kenderaan rasmi dan dibekalkan dengan seorang pemandu.
3. Pemberian elaun gantian bagi menggantikan peruntukan kenderaan rasmi kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) tidak dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) Bil. 1/2008 pada 23 Januari 2008 dan Mesyuarat Pihak Pengurusan Universiti (MPPU) Bil. 7/2008 pada 6 Mei 2008 dan Bil. 8/2008 pada 20 Mei 2008.

SYARAT DAN KELAYAKAN

4. Pemberian kemudahan kenderaan rasmi dan pemandu bagi pegawai universiti adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- i) Kenderaan rasmi dan pemandu hanya akan diberi kepada Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) jika mereka memegang jawatan pentadbiran seperti Dekan/ Pengarah.
 - ii) Kemudahan tersebut akan ditarik balik apabila mereka melepaskan atau meletakkan jawatan– jawatan berkenaan.
 - iii) Profesor Gred VK5 (Khas A) dan Profesor Gred VK6 (Khas B) yang tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran seperti Dekan/ Pengarah tidak layak diberi kemudahan ini.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa serta-merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI-MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR
Tarikh :

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP13_2010